



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III –
PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN DAN
CUKAI KENA DIBAYAR**

KETETAPAN UMUM NO. 6/2018

TARIKH PENERBITAN: 13 SEPTEMBER 2018



**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 6/2018
Tarikh Penerbitan: 13 September 2018**

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua

© 2018 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 6/2018
Tarikh Penerbitan: 13 September 2018**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengiraan Cukai Pendapatan dan Cukai Kena Dibayar	1
5. Rebat Cukai	2
6. Kredit Dua Belah Pihak dan Kredit Sebelah Pihak	15
7. Bayaran Cukai Suami atau Isteri di bawah Taksiran Bersama	15
8. Pemakaian	16
9. Penolakan Tuntutan	16

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan cara mengira cukai pendapatan dan cukai kena bayar bagi individu yang bermastautin di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang telah berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 6, 7, 45 hingga 51 dan Jadual 1.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Individu” bermaksud orang biasa.
- 3.2 “Jumlah pendapatan” untuk suatu tahun taksiran (TT) adalah pendapatan agregat ditolak kerugian perniagaan tahun asas, perbelanjaan di bawah Jadual 4, 4B dan hadiah wang tunai, sumbangan berbentuk barangan, manuskrip, artifak dan lukisan di bawah seksyen 44 ACP.
- 3.3 “Tempoh asas” berhubung dengan seseorang, suatu puncanya dan suatu TT bermaksud tempoh asas, sekiranya ada, seperti yang ditentukan mengikut seksyen 21 ACP.
- 3.4 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.

4. Pengiraan Cukai Pendapatan dan Cukai Kena Dibayar

- 4.1 Setelah pendapatan bercukai ditentukan seperti yang dijelaskan dengan terperinci dalam KU No. /2018 bertajuk “Cukai Pendapatan Individu Bermastautin – Bahagian II: Pengiraan Jumlah Pendapatan dan Pendapatan Bercukai”, langkah seterusnya adalah menentukan cukai pendapatan yang dikenakan dan cukai yang kena dibayar oleh individu atau yang dibayar balik kepada individu.



**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 6/2018
Tarikh Penerbitan: 13 September 2018**

4.2 Format pengiraan cukai pendapatan yang dikenakan dan cukai yang kena dibayar oleh / dibayar balik kepada individu adalah seperti berikut:

	RM	RM
Pendapatan bercukai		<u>XX</u>
Cukai atas pendapatan bercukai XX yang pertama		XX
Cukai atas baki pendapatan bercukai XX @ XX%		<u>XX</u>
Cukai pendapatan dikenakan		XX
Tolak: Rebat cukai		
• Individu	XX	
• Pasangan	XX	
• Zakat dan fitrah	<u>XX</u>	XX
Tolak: Kredit cukai		
• Kredit cukai dari unit amanah, amanah pelaburan harta tanah	XX	
• Kredit cukai dua belah pihak atas pendapatan luar negara di mana terdapat perjanjian pengelakan pencukaaian dua kali	XX	
• Kredit cukai sebelah pihak atas pendapatan luar negara di mana tiada perjanjian pengelakan pencukaaian dua kali	<u>XX</u>	<u>XX</u>
Cukai pendapatan kena dibayar/dibayar balik		<u>XX</u>

4.3 Bagi individu yang bermastautin, cukai pendapatan akan dikenakan ke atas pendapatan bercukai individu itu pada kadar skala mengikut Jadual 1 ACP.

5. Rebat Cukai

5.1 Rebat cukai diberikan kepada individu yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas bagi suatu TT di bawah subseksyen 6A(2) dan (3) ACP bertujuan untuk mengurangkan amaun cukai kena dibayar oleh individu berkenaan. Rebat cukai ini ditolak daripada cukai pendapatan yang dikenakan untuk menentukan cukai kena dibayar.



5.2 Terdapat dua jenis rebat cukai yang dibenarkan iaitu:

- a) rebat cukai yang diberikan tanpa dikaitkan dengan sebarang perbelanjaan apabila syarat yang ditetapkan dipenuhi seperti rebat individu; dan
- b) rebat cukai diberikan apabila pembayar cukai melakukan perbelanjaan sebenar seperti bayaran zakat atau fitrah.

5.3 Mengikut subseksyen 6A(4) ACP, sekiranya dalam suatu TT, rebat cukai adalah lebih besar daripada cukai yang dikenakan, lebihan itu tidak boleh -

- a) dibayar balik kepada pembayar cukai; atau
- b) dibawa ke hadapan sebagai kredit untuk ditolak daripada tanggungan cukai pendapatan individu bagi tahun-tahun taksiran berikutnya.

5.4 Rebat individu

Subseksyen 6A(2) ACP memperuntukkan rebat cukai layak dituntut oleh individu yang bermastautin yang mempunyai pendapatan bercukai bagi tahun asas suatu TT seperti berikut:

- i) Rebat sebanyak RM400 diberi kepada individu yang dibenarkan potongan diri dan saudara tanggungan di bawah perenggan 46(1)(a) ACP bagi TT tersebut dan mempunyai pendapatan bercukai bagi tahun asas itu tidak melebihi RM35,000 – perenggan 6A(2)(a) ACP.

Rebat yang diberikan sebelum TT 2009 adalah RM350.

- ii) Rebat sebanyak RM400 diberi kepada suami yang dibenarkan potongan untuk isteri di bawah subseksyen 47(1) atau (2) ACP bagi TT tersebut dan mempunyai pendapatan bercukai bagi tahun asas itu tidak melebihi RM35,000 – perenggan 6A(2)(b) ACP.

Rebat yang diberikan sebelum TT 2009 adalah RM350.

- iii) Rebat sebanyak RM400 diberi kepada isteri yang dibenarkan potongan untuk suami di bawah seksyen 45A ACP bagi TT tersebut dan mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000 – perenggan 6A(2)(c) ACP.

Rebat yang dibenarkan sebelum TT 2009 adalah RM350.



Contoh 1

Nadia yang bermastautin di Malaysia dalam tahun 2016, mempunyai pendapatan penggajian sebanyak RM40,000 bagi tahun berakhir 31.12.2016. Dalam tahun tersebut, Nadia membuat caruman kepada KWSP sebanyak RM3,600.

Pengiraan Pendapatan Bercukai Nadia bagi TT 2016

	RM	RM
Jumlah pendapatan		40,000
Tolak: Potongan yang dibenarkan		
Diri dan saudara tanggungan	9,000	
Caruman KWSP	<u>3,600</u>	<u>12,600</u>
Pendapatan bercukai		<u><u>27,400</u></u>

Oleh kerana Nadia –

- bermastautin di Malaysia;
- layak mendapat potongan diri dan saudara tanggungan di bawah perenggan 46(1)(a) ACP; dan
- mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000

dia layak mendapat rebat individu sebanyak RM400 bagi TT 2016.

Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Nadia bagi TT 2016

	RM
Cukai atas pendapatan bercukai RM20,000 yang pertama	150.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai RM7,400 @ 5%	<u>370.00</u>
Jumlah cukai pendapatan dikenakan	520.00
Tolak: Rebate cukai individu – perenggan 6A(2)(a) ACP	<u>400.00</u>
Cukai pendapatan kena dibayar	<u><u>120.00</u></u>



PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 6/2018
Tarikh Penerbitan: 13 September 2018

Contoh 2

Jeremy dan isterinya, Lisa bermastautin di Malaysia dalam tahun 2016. Jumlah pendapatan dan caruman kepada KWSP oleh Jeremy dan Lisa bagi tahun berakhir 31.12.2016 adalah seperti berikut:

	Jeremy RM	Lisa RM
Jumlah pendapatan	45,000	35,000
Caruman kepada KWSP	4,000	2,700

Pengiraan Pendapatan Bercukai Jeremy dan Lisa bagi TT 2016

	Jeremy RM	Lisa RM
Jumlah pendapatan	45,000	35,000
Tolak: Potongan yang dibenarkan		
Diri dan saudara tanggungan	9,000	9,000
Caruman kepada KWSP	<u>4,000</u> <u>13,000</u>	<u>2,700</u> <u>11,700</u>
Pendapatan bercukai	<u>32,000</u>	<u>23,300</u>

Oleh kerana Jeremy dan Lisa masing-masing –

- bermastautin di Malaysia;
- layak mendapat potongan diri dan saudara tanggungan di bawah perenggan 46(1)(a) ACP; dan
- mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000,

Jeremy dan Lisa masing-masing layak mendapat rebat cukai individu sebanyak RM400 bagi TT 2016.



**Pengiraan Cukai Pendapatan yang Kena Dibayar oleh Jeremy dan Lisa
bagi TT 2016**

	Jeremy RM	Lisa RM
Cukai atas pendapatan bercukai RM20,000 yang pertama	150.00	150.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai: RM12,000 @ 5%	<u>600.00</u>	
RM3,300 @ 5%		<u>165.00</u>
Jumlah cukai pendapatan	750.00	315.00
Tolak: Rebat cukai individu	<u>400.00</u>	315.00 (terhad) ¹
Cukai pendapatan kena dibayar	<u>350.00</u>	<u>Tiada</u>

Catatan:

¹Walau bagaimanapun, pemberian rebat cukai individu kepada Lisa adalah dihadkan kepada jumlah cukai pendapatan dikenakan. Lebihan RM85 (RM400 – RM315) tidak boleh dibayar balik kepada beliau atau dibawa ke hadapan untuk ditolak daripada tanggungan cukai pendapatannya untuk TT berikutnya.

Contoh 3

Karim dan isterinya, Azira adalah pemastautin di Malaysia dalam tahun asas 2016 dan masing-masing mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM32,000 dan RM15,000. Bagi TT 2016, Azira memilih untuk ditaksir bersama suami di bawah perenggan 45(2)(a) ACP.

Pengiraan Pendapatan Bercukai Karim bagi TT 2016

	RM	RM
Jumlah pendapatan Karim		32,000
Jumlah pendapatan Azira		<u>15,000</u>
Jumlah pendapatan Karim dan Azira disatukan		47,000
Tolak: Potongan yang dibenarkan		
Diri dan saudara tanggungan	9,000	
Isteri	<u>4,000</u>	<u>13,000</u>



**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 6/2018
Tarikh Penerbitan: 13 September 2018**

Pendapatan bercukai		<u>34,000</u>
---------------------	--	---------------

Oleh kerana Karim –

- bermastautin di Malaysia;
- layak mendapat potongan diri dan saudara tanggungan di bawah perenggan 46(1)(a) ACP;
- layak mendapat potongan untuk isteri di bawah subseksyen 47(2) ACP; dan
- mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000,

Karim layak mendapat rebat individu sebanyak RM800 iaitu RM400 untuk diri sendiri dan RM400 untuk isteri bagi TT 2016.

Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Karim bagi TT 2016

	RM	RM
Cukai atas pendapatan bercukai RM20,000 yang pertama		150.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai RM14,000 @ 5%		<u>700.00</u>
Jumlah cukai pendapatan dikenakan		850.00
Tolak: Rebat cukai		
Diri sendiri	400.00	
Isteri	<u>400.00</u>	<u>800.00</u>
Cukai pendapatan kena dibayar		<u>50.00</u>

Contoh 4

Salman yang bermastautin di Malaysia telah menceraikan isterinya pada 15.1.2016. Dia telah membayar alimoni sebanyak RM7,000 dalam tahun asas 2016 kepada bekas isterinya mengikut perintah mahkamah. Jumlah pendapatan Salman bagi TT 2016 adalah RM45,000.



**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 6/2018
Tarikh Penerbitan: 13 September 2018**

Pengiraan Pendapatan Bercukai Salman bagi TT 2016

	RM	
Jumlah pendapatan		45,000
Tolak: Potongan yang dibenarkan		
Diri dan saudara tanggungan	9,000	
Alimoni kepada bekas isteri (terhad kepada RM4,000)	<u>4,000</u>	<u>13,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>32,000</u>

Oleh kerana Salman –

- bermastautin di Malaysia;
- layak mendapat potongan diri dan saudara tanggungan di bawah perenggan 46(1)(a) ACP;
- layak mendapat potongan untuk isteri di bawah subseksyen 47(2) ACP; dan
- mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000,

Salman layak mendapat rebat cukai individu sebanyak RM800 iaitu RM400 untuk diri sendiri dan RM400 untuk isteri bagi TT 2016.

Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Salman bagi TT 2016

	RM	RM
Cukai atas pendapatan bercukai RM20,000 yang pertama		150.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai RM12,000 @ 5%		<u>600.00</u>
Jumlah cukai pendapatan		750.00
Tolak: Rebat cukai		
Diri sendiri	400.00	
Isteri	<u>400.00</u>	
	800.00	750.00 <u>(terhad)²</u>
Cukai pendapatan kena dibayar		<u>Tiada</u>

Catatan:

²Walau bagaimanapun, rebat cukai yang diberikan kepada Salman adalah dihadkan kepada jumlah cukai pendapatan yang dikenakan. Lebihan RM50 (RM800 – RM750) tidak boleh dibayar balik kepada beliau atau dibawa ke hadapan untuk ditolak daripada tanggungan cukai pendapatan Salman untuk TT berikutnya.

5.5 Rebat cukai bagi bayaran zakat atau fitrah

5.5.1 Subseksyen 6A(3) ACP memperuntukkan seorang individu yang bermastautin di Malaysia dan mempunyai pendapatan bercukai layak menuntut rebat cukai bagi bayaran zakat, fitrah atau lain-lain yang diwajibkan oleh agama Islam yang dibayar kepada pihak berkuasa agama yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Jumlah rebat yang dibenarkan kepada individu adalah dihadkan kepada jumlah cukai pendapatan yang dikenakan bagi suatu TT.

5.5.2 “Pihak berkuasa agama yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis” termasuklah Pusat Pungutan Zakat dan Majlis Agama Islam Negeri.

5.5.3 “Undang-undang bertulis” bermaksud—

- (a) Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya;
- (b) Akta Parlimen dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya;
- (c) Ordinan dan Enakmen dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya; dan
- (d) apa-apa enakmen perundangan atau instrumen perundangan yang berkuat kuasa di Malaysia atau mana-mana bahagian daripadanya.

5.5.4 Bagi suami dan isteri yang ditaksir berasingan, masing-masing layak mendapat rebat cukai ke atas zakat yang dibayar.

5.5.5 Mengikut peruntukan ACP, jika –

- isteri memilih taksiran bersama atas nama suami; atau
- suami memilih taksiran bersama atas nama isteri,



**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 6/2018
Tarikh Penerbitan: 13 September 2018**

hanya suami atau isteri yang ditaksir atas namanya sahaja yang layak mendapat rebat cukai bagi zakat yang dibayar olehnya. Zakat yang dibayar oleh isteri atau suami yang memilih taksiran bersama tidak dibenarkan sebagai rebat cukai daripada jumlah cukai dikenakan ke atas pasangan yang ditaksir. Zakat yang dibayar oleh isteri / suami yang tidak bekerja atau tidak mempunyai punca pendapatan atau tiada jumlah pendapatan juga tidak boleh dibenarkan sebagai rebat daripada cukai yang dikenakan ke atas pasangan.

Contoh 5

Azizi dan isteri bemastautin di Malaysia dalam tahun asas 2016. Isteri Azizi tidak bekerja. Jumlah pendapatan Azizi serta zakat yang dibayar oleh Azizi bagi tahun berakhir 31.12.2016 adalah seperti berikut:

	RM	RM
Jumlah pendapatan		280,000
Zakat dibayar kepada:		
• Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan	6,000	
• Pusat pungutan zakat di Australia	3,000	

Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Azizi bagi TT 2016

	RM	RM
Jumlah pendapatan		280,000
Tolak: Potongan dibenarkan		
• Diri dan saudara tanggungan	9,000	
• Isteri	<u>4,000</u>	<u>13,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>267,000</u>
Cukai atas pendapatan bercukai RM250,000 yang pertama		47,900.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai RM17,000 @ 24.5%		<u>4,165.00</u>
Cukai pendapatan dikenakan		52,065.00
Tolak: Rebat zakat ³		<u>6,000.00</u>
Cukai pendapatan kena dibayar		<u>46,065.00</u>

Catatan:

³Hanya zakat yang dibayar kepada Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan dibenarkan sebagai rebat. Bayaran zakat yang dibayar kepada pusat pungutan zakat di Australia tidak boleh diberikan sebagai rebat kerana pusat pungutan zakat tersebut tidak ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia.

Contoh 6

Rahman dan isterinya, Yati adalah pemastautin Malaysia dalam tahun 2016. Rahman mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM52,000 bagi tahun berakhir 31.12.2016 manakala isterinya tidak bekerja. Rahman membuat bayaran berikut dalam tahun asas 2016:

- i) Caruman kepada KWSP berjumlah RM4,600; dan
- ii) Zakat dan fitrah berjumlah RM825

**Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Rahman bagi
TT 2016**

	RM	RM
Jumlah pendapatan		52,000
Tolak: Potongan yang dibenarkan		
• Diri dan saudara tanggungan	9,000	
• Isteri	4,000	
• Caruman KWSP	<u>4,600</u>	<u>17,600</u>
Pendapatan bercukai		<u>34,400</u>
Cukai atas pendapatan bercukai RM20,000 yang pertama		150.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai RM14,400 @ 5%		<u>720.00</u>
Cukai pendapatan dikenakan		870.00
Tolak: Rebate		
• Diri	400.00	
• Isteri	400.00	



**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 6/2018
Tarikh Penerbitan: 13 September 2018**

<ul style="list-style-type: none"> Zakat 	<u>825.00</u>	
	1,625.00 dihadkan kepada ⁴	
	<u>870.00</u>	
Cukai pendapatan kena dibayar		<u>Tiada</u>

Catatan:

⁴Lebihan zakat RM755 (RM1,625 – RM870) tidak boleh dibayar balik kepada Rahman atau dibawa ke hadapan sebagai kredit untuk ditolak daripada tanggungan cukai pendapatan yang dikenakan ke atas Rahman bagi TT berikutnya.

Contoh 7

Aimeen dan isterinya, Sofia bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2016. Jumlah pendapatan dan zakat yang dibayar oleh Aimeen dan Sofia bagi tahun berakhir 31.12.2016 adalah seperti berikut:

	Aimeen RM	Sofia RM
Jumlah pendapatan	Tiada (rugi perniagaan 15,000)	47,000
Zakat	250	1,000

Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Sofia bagi TT 2016

	RM
Jumlah pendapatan	47,000
Tolak: Potongan dibenarkan	
• Diri dan saudara tanggungan	9,000
• Suami	<u>4,000</u> <u>13,000</u>
Pendapatan bercukai	<u>34,000</u>
Cukai atas pendapatan bercukai RM20,000 yang pertama	150.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai RM14,000 @ 5%	<u>700.00</u>
Cukai pendapatan dikenakan	850.00
Tolak: Rebat cukai	



**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 6/2018
Tarikh Penerbitan: 13 September 2018**

Diri dan saudara tanggungan	400.00			
Suami	<u>400.00</u>	800.00		
Zakat		<u>1,000.00⁵</u>		
		1,800.00	<u>850.00</u>	
		dihadkan kepada		<u>Tiada</u>

Catatan:

⁵Hanya zakat yang dibayar oleh isteri sahaja layak dituntut sebagai rebat daripada cukai pendapatan yang dikenakan ke atas isteri. Zakat yang dibayar oleh suami tidak boleh dibenarkan sebagai rebat terhadap cukai yang dikenakan ke atas isteri.

Contoh 8

Farhan dan isterinya, Mastura adalah pemastautin Malaysia dalam tahun asas 2016. Farhan mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM80,000 sementara jumlah pendapatan Mastura adalah RM35,000. Zakat yang dibayar oleh Farhan dan Mastura masing-masing adalah sebanyak RM1,600 dan RM700.

Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Farhan dan Mastura bagi TT 2016

	Farhan RM	Mastura RM
Jumlah pendapatan	80,000	35,000
Tolak: Potongan dibenarkan		
Diri dan saudara tanggungan	<u>9,000</u>	<u>9,000</u>
Pendapatan bercukai	<u>71,000</u>	<u>26,000</u>
Cukai pendapatan yang dikenakan	5,810.00	450.00
Tolak: Rebat cukai		
• Diri dan saudara tanggungan	Tiada	400.00
• Zakat	<u>1,600</u>	<u>700.00</u>
		<u>450.00⁶</u>



**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 6/2018
Tarikh Penerbitan: 13 September 2018**

Cukai pendapatan kena dibayar	<u>4,210</u>	<u>Tiada</u>
-------------------------------	--------------	--------------

Catatan:

⁶Potongan rebat yang layak dituntut oleh Mastura dihadkan kepada cukai pendapatan yang dikenakan – subseksyen 6A(4) ACP.

Contoh 9

Kedua-dua pasangan suami dan isteri, Rafiq dan Aida bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2016. Aida memilih untuk ditaksir bersama dengan suaminya bagi TT 2016. Kedua-duanya mempunyai jumlah pendapatan dan membayar zakat dalam tahun asas 2016 seperti berikut:

	Rafiq RM	Aida RM
Jumlah pendapatan	95,000	25,000
Zakat	2,000	400

**Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Rafiq bagi
TT 2016**

	Rafiq RM
Jumlah pendapatan	95,000
Campur: Jumlah pendapatan isteri	<u>25,000</u>
Jumlah pendapatan disatukan	<u>120,000</u>
Tolak: Potongan dibenarkan	
• Diri dan saudara tanggungan	9,000
• Isteri	<u>4,000</u>
Pendapatan bercukai	<u>107,000</u>
Cukai atas pendapatan bercukai RM100,000 yang pertama	11,900.00
Cukai atas baki pendapatan bercukai RM7,000 @ 24%	<u>1,680.00</u>
Cukai pendapatan dikenakan	13,580.00



PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 6/2018
Tarikh Penerbitan: 13 September 2018

Tolak: Rebat cukai	
Zakat	<u>2,000.00⁷</u>
Cukai pendapatan kena dibayar	<u>11,580.00</u>

Catatan:

⁷Hanya zakat yang dibayar oleh Rafiq sahaja layak dituntut sebagai rebat terhadap cukai pendapatan yang dikenakan ke atasnya. Zakat yang dibayar oleh isteri tidak boleh dibenarkan sebagai rebat daripada cukai yang dikenakan ke atas suami.

6. Kredit Dua Belah Pihak dan Kredit Sebelah Pihak

- 6.1 Kredit cukai dua belah pihak layak dituntut oleh individu yang bermastautin di Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 132 ACP. Kredit cukai sebelah pihak layak dituntut oleh individu bermastautin atau tidak bermastautin di Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 133 ACP.
- 6.2 Untuk maklumat lanjut, sila Rujuk KU No. 11/2011 bertajuk “Kredit Dua Belah Pihak dan Kredit Sebelah Pihak” yang boleh didapati di portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di www.hasil.gov.my.

7. Bayaran Cukai Isteri atau Suami di bawah Taksiran Bersama

Sekiranya jumlah pendapatan suami dan isteri disatukan dalam taksiran bersama, individu yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya bertanggungjawab untuk membayar cukai tersebut. Walau bagaimanapun, jika perlu, bahagian cukai yang dibayar atas pendapatan isteri atau suami boleh dipungut daripada salah seorang daripada mereka mengikut formula berikut:

Cukai yang dikenakan atas suami/isteri	=	$\frac{\text{Jumlah pendapatan suami/isteri}}{\text{Agregat jumlah pendapatan suami dan isteri}}$	X	Jumlah cukai yang dikenakan ke atas suami/isteri untuk TT tersebut
--	---	---	---	--



**PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN
BAHAGIAN III – PENGIRAAN CUKAI
PENDAPATAN DAN CUKAI KENA
DIBAYAR**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 6/2018
Tarikh Penerbitan: 13 September 2018**

8. Pemakaian

- 8.1 KU ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan KU No. 4/2018 bertajuk “Pencukaian Individu Bermastautin Bahagian I – Hadiah atau Sumbangan dan Potongan Yang Dibenarkan” dan KU No. 5/2018 bertajuk “Pencukaian Individu Bermastautin Bahagian II – Pengiraan Jumlah Pendapatan dan Pendapatan Yang Boleh Dikenakan Cukai”.
- 8.2 KU ini menggantikan KU No. 2/2005 bertajuk “Pengiraan Cukai Pendapatan Kena Dibayar oleh Individu Bermastautin”.

9. Penolakan Tuntutan

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**